

**Perdana Menteri Saran Pemaju Perumahan Bina Pusat Komuniti Warga Emas
Bernama
17 Oktober, 2012**

KUALA LUMPUR, 17 Okt (Bernama) -- Datuk Seri Najib Tun Razak Rabu menyarankan pemaju perumahan supaya menyediakan pusat aktiviti warga emas dalam projek projek-perumahan mereka yang baharu.

Perdana Menteri berkata dengan mengambil kira kehidupan warga emas yang tinggal bersendirian dan kesunyian, adalah wajar pusat itu diwujudkan, sama seperti keperluan menyediakan kemudahan taska dan tadika.

"Satu prasarana yang memerlukan perhatian khusus ialah penubuhan pusat aktiviti bagi warga emas secara lebih meluas dalam komuniti setempat.

"Maka adalah wajar supaya projek-projek perumahan yang baru menyediakan pusat aktiviti warga emas, sama seperti keperluan untuk menyediakan kemudahan taska dan tadika," katanya ketika berucap melancarkan sambutan Hari Warga Emas Kebangsaan di sini, Rabu.

Majlis bertemakan "Warga Emas Produktif: Melakar Masa Depan" itu turut dihadiri isteri Perdana Menteri Datin Seri Rosmah Mansor dan Timbalan Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat Datuk Heng Seai Kie.

Najib, yang juga merangkap Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat berkata antara lain, kemudahan tersebut akan membolehkan warga emas menjalani aktiviti sosial dan riadah bersama anggota masyarakat yang lain atau rakan sebaya, sekaligus memberi keceriaan kepada mereka yang tinggal bersendirian dan kesunyian.

Beliau berkata bagi memastikan golongan itu terus produktif dan merasa dihargai, Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga akan memulakan langkah ke arah itu dengan menggunakan 45 dewan di bawah kementerian sebagai pusat aktiviti warga emas.

Perdana Menteri berkata warga emas yang seramai 2.2 juta orang atau 7.7 peratus daripada keseluruhan 28.3 juta penduduk negara juga boleh terus melakar masa depan yang produktif dengan mengambil kesempatan daripada pelbagai insentif yang disediakan kerajaan seperti menceburi bidang koperasi.

Najib berkata untuk itu, kerajaan menerusi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan menawarkan geran dan pinjaman mudah sehingga RM80,000 kepada mereka yang ingin menubuhkan koperasi baru.

"Secara khususnya, geran automatik RM30,000 akan ditawarkan berdasarkan projek koperasi yang dikemukakan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia, di mana pada masa sama koperasi itu juga diberi keistimewaan membuat pinjaman sebanyak RM50,000 lagi tanpa cagaran berbanding melalui bank perdagangan," katanya.

Berkenaan sambutan itu, beliau berkata tema "Warga Emas Produktif: Melakar Masa Depan" yang dipilih adalah amat sesuai kerana warga emas merupakan aset yang amat penting kepada negara berlandaskan kepada ilmu, pengalaman dan kepakaran yang sukar diganti dan usia emas dan persaraan tidak harus dilihat sebagai noktah bagi mereka untuk terus menyumbang.

Najib berkata bagi memastikan warga emas terus menyumbang kepada negara, kerajaan mengambil beberapa pendekatan, antaranya meningkatkan umur persaraan dalam kalangan penjawat awam dari 58 kepada 60 tahun bermula tahun ini.

Beliau berkata kerajaan juga menggubal Akta Umur Persaraan Minimum 2012 bagi menetapkan umur persaraan minimum bagi pekerja swasta.

"Langkah tersebut dibuat sebagai sebahagian daripada persediaan negara untuk menghadapi cabaran penuaan kerana berdasarkan unjuran Malaysia dijangka mencapai status negara tua pada tahun 2030 apabila 15 peratus daripada jumlah penduduk merupakan warga emas," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=702724>